

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI SELASA, 8 OGOS 2023, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 05

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di Sabah setakat tahun 2023, khususnya di Kapayan dan apakah sebab-sebab bagi pemohon yang gagal mendapatkan bantuan ini.
- *2. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:**
 - a) berapakah keluasan tanah Koperasi Pembangunan Desa (KPD) untuk tanaman padi di Terusan Sapi Telupid dan berapa luas kawasan yang sudah ditanam padi; dan
 - b) apakah masalah yang menyebabkan keseluruhan kawasan tanah tersebut belum ditanam dengan padi dan apakah langkah yang diambil kementerian untuk menyelesaikannya.
- *3. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan peruntukan pembangunan khas bagi isu bekalan air di Sabah yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dan adakah sudah diterima serta sejauh manakah pelaksanaannya.
- *4. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status dan usaha pihak kementerian untuk membina bangunan Mahkamah Anak Negeri di daerah Nabawan selaras dengan pelan pembangunan hala tuju Sabah Maju Jaya 2020-2025.
- *5. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah kutipan kerajaan daripada cukai jualan sebanyak 7.5% ke atas harga Minyak Sawit Mentah sejak tahun 2018 dan berapa banyak yang telah diperuntukkan untuk membaiki jalan di kawasan ladang kelapa sawit (estate).
- *6. **YB. Tuan Haji. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapa banyakkah kursus keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah di seluruh Sabah dan khususnya di kawasan Parlimen Lahad Datu.

- *7. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, kenapa pihak kementerian tidak melantik satu Syarikat GLC untuk sementara waktu sebelum penubuhan Sabah Palm Oil Board (SPOB) bagi mengetuai pengurusan industri kelapa sawit di Sabah.
- *8. **YB. Datuk Amisah Yassin [Adun Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapa ramaikah pelajar yang menerima bantuan *one off* dalam tahun ini.
- *9. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah strategi kerajaan bagi memastikan tiada belia lepasan sekolah yang menganggur.
- *10. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, mengapakah klinik kesihatan yang berada di kawasan pulau DUN Sekong di tutup.
- *11. **YB. Datuk Jaffari bin Waliam [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI:-**
- a) berapakah jumlah penerima Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) dan Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) pada tahun 2022; dan
 - b) berapa ramaikah penerima Bantuan Ihsan Komputer (BAIK) tahun lalu serta apakah syarat kelayakan untuk memohon bantuan tersebut.
- *12. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk menambah jumlah unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Sabah.
- *13. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status projek melebarkan Jalan Dua Hala laluan Langkon Pitas, Kota Marudu bagi mengatasi kesesakan trafik di pekan Kota Marudu seperti yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah pada 23hb Ogos 2022.
- *14. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah kementerian merancang untuk menyelenggara atau membina gelanggang futsal yang baru khasnya di kawasan N.41 Liawan.
- *15. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan bersedia untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) sebagai pintu masuk utama atau hub transit ke Malaysia bagi tujuan pelancongan dan pelaburan.
- *16. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih dan bekalan letrik bagi penduduk yang tinggal di pulau Libaran.

- *17. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjung]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapakah bilangan pakar perubatan baharu yang akan dihantar ke Hospital Besar Tawau dan adakah ia termasuk Pakar Kardiologi (Cardiologist).
- *18. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah kerajaan bercadang membuka atau menambahkan kawasan baru yang lebih menarik untuk pelabur asing melalui inisiatif infra yang teratur seperti sistem rangkaian pengangkutan dan status “*pioneer*” seperti kawasan “*Free Trade Zone*” memandangkan Pusat Perindustrian KKIP semakin sempit.
- *19. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah peratusan perbelanjaan peruntukan yang diberikan persekutuan kepada negeri pada tahun 2023 dan nyatakan pecahan-pecahan butiran tersebut secara terperinci.
- *20. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah langkah-langkah sementara yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan impak banjir di daerah Penampang sementara menunggu projek-projek tebatan banjir di daerah berkenaan siap dibina.
- *21. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah perancangan kementerian untuk memasang lampu jalan solar untuk penduduk kawasan luar bandar di Keningau khususnya di kawasan N.41 Liawan.
- *22. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan mekanisme mengawal kenaikan harga barangan bersubsidi dan tidak bersubsidi terutamanya bagi kawasan luar bandar di Sabah.
- *23. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) status Halal Hub di Sabah; dan
 - b) apakah bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berkaitan pembangunan Halal Hub dan bentuk dana yang terlibat.
- *24. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah kelulusan untuk penaiktarafan Majlis Daerah Penampang kepada status Perbandaran ini dijangkakan dan apakah manfaat kepada penduduk Penampang.
- *25. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**,

bagaimanakah kerajaan membantu pertubuhan dan persatuan yang melibatkan kebudayaan dan kesenian di negeri Sabah dan adakah geran khas secara tahunan diperuntukkan kepada persatuan atau pertubuhan tersebut.

- *26. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status naik-taraf Jalan Panglima Banting yang sering berlaku banjir terutamanya di hadapan jalan masuk ke Taman Shangri-La Kibabaig kerana jalan yang rendah dan sistem peparitan jalan raya yang tidak teratur.
- *27. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah pihak kementerian mempunyai sebarang rancangan baharu untuk memastikan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB) mampu membantu pihak kerajaan sebagai penggerak dan pelaksana untuk menjayakan agenda membasmi kemiskinan di seluruh kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah ini.
- *28. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah bajet pembaikan atau penggantian alat ganti di loji rawatan air seperti *valve*, *intake*, *pump* dan pagar loji air.
- *29. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah sebab kejadian banjir kilat di negeri ini dan apakah perancangan, langkah-langkah atau polisi Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu tersebut khususnya di kawasan N.41 Liawan.
- *30. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal bin P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah status terkini Program JENDELA bagi kawasan DUN Tungku.
- *31. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) berapa peratuskah tahap progres kerja yang telah siap bagi Jalan Bukit Manggis; dan
 - b) bilakah ia dijangkakan siap sepenuhnya.
- *32. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN:-**
- a) berapakah syarikat-syarikat yang masih ada kontrak konsesi senggaraan jalan raya di Sabah; dan
 - b) berapa lama lagi kontrak ini dan berapakah komitmen kewangan kerajaan untuk membayar kontrak ini.
- *33. **YB. Tuan Haji. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah status terkini cadangan untuk Mini

Estet Sejahtera (MESEJ) rumpai laut di kawasan Bangkuran dalam kawasan DUN Silam yang begitu lama tiada tindakan dari kementerian.

- *34. **YB. Datuk Hamild @ Hamid bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) berapa buah pusat tahfiz yang berdaftar di Sabah; dan
 - b) apakah bentuk bantuan dari segi mendaftarkan tahfiz ini dan adakah bantuan dalam bentuk dana kepada pusat tahfiz.
- *35. **YB. Datuk Anwar Ayub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pembangunan industri “*Agro-Tourism*” dan “*homestay*” dalam kampung-kampung di luar bandar bagi meningkatkan pendapatan dan sumber ekonomi kampung-kampung tersebut
- *36. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal bin P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf semua daerah kecil kepada daerah penuh di negeri Sabah.
- *37. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk menambah logistik kenderaan lori air di Tawau bagi membolehkan bantuan bekalan air disalurkan dengan lebih efisien kepada pengguna ketika gangguan berlaku.
- *38. **YB.Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah peruntukkan kewangan yang telah dan akan disalurkan untuk menaikkan tanggungjawab bersama dalam kebersihan sungai dan parit di seluruh Sabah dan khususnya di Kapayan.
- *39. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) apakah inisiatif kerajaan untuk mengawal kesesakan lalu lintas di daerah Tawau; dan
 - b) adakah kerajaan bercadang untuk menambah laluan/jalan alternatif khususnya bagi menampung kesesakan lalu lintas yang teruk/kritikal bermula dari Jalan Apas menuju masuk ke dalam kawasan Bandar Tawau.
- *40. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status terkini kerja baik pulih lif di UTC Pasar Sri Tanjong.

- *41. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan lementerian untuk menempatkan seorang Jurutera Jabatan Air di Daerah Telupid bagi menyelia Daerah Tongod dan Telupid memandangkan sekarang ini jurutera tersebut dikongsi bersama dengan Daerah Ranau dan ini membebankan serta menyukarkan pergerakan pegawai tersebut.
- *42. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah inisiatif kementerian untuk mempromosikan produk pelancongan di kawasan luar bandar yang berasaskan alam semula jadi.
- *43. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mohon untuk kerajaan nyatakan jumlah warga asing yang belum keluar dari negeri Sabah.
- *44. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah terdapat cadangan projek di pihak kementerian bagi menyelesaikan isu masalah air di Daerah Kudat.
- *45. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menambah bilangan tempat parkir di kawasan Pasar Sri Tanjong yang kini berjumlah hanya 150 tapak tetapi menjadi tumpuan operasi beberapa agensi kerajaan, peniaga, terminal feri, Kastam, Imigresen, Kuarantin dan untuk orang awam.
- *46. **YB. Tuan Haji. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah Kerajaan Negeri boleh mendapatkan peruntukkan khas dari Kerajaan Persekutuan untuk membaik pulih Tabika Kemas khususnya di kawasan DUN Silam yang kebanyakannya begitu daif.
- *47. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah kesan kepada kedaulatan negeri Sabah berhubung pemeteraian Triti Laut Sulawesi yang ditandatangani pada 8 Jun 2023 di Seri perdana; dan
 - b) bagaimanakah hak Sabah ke atas aktiviti carigali minyak dan gas di kawasan terlibat.
- *48. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Air untuk memastikan masalah kawasan Kapayan yang kini mengalami gangguan bekalan air terutamanya pembaikkan paip bocor yang mengambil masa yang lama untuk dibaiki dan kerap pecah dapat diselesaikan.

- *49. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah sebarang maklumat sama ada UTC akan dibangunkan di Sandakan memandangkan ia telah empat kali diusulkan namun masih belum ada sebarang maklum balas.
- *50. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah sekolah tahfiz yang belum dan telah berdaftar dengan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan bagaimanakah kerajaan membantu sekolah tahfiz berkenaan.
- *51. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah pihak kementerian telah merangka satu pelan tindakan strategik untuk mempercepatkan projek-projek penyelenggaraan atau pembinaan jalan-jalan perhubungan, jaringan bekalan elektrik dan bekalan air bersih masyarakat luar bandar dan pendalaman khususnya di kawasan DUN N.50 Gum-Gum.
- *52. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah tindakan kementerian untuk mempercepatkan pindah milik tanah di daerah Telupid yang masih di atas nama Majlis Daerah Beluran ke Majlis Daerah Telupid.
- *53. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal bin P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi Kampung Bakapit, Kampung Tulibas, Kampung Bangingod dan Kampung Mundas akan dimulakan.
- *54. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah tindakan atau status terkini daripada pihak kementerian berkenaan cadangan pewartaan kawasan hutan simpan di daerah Nabawan.
- *55. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini berkenaan pembinaan jalan raya yang telah dipohon di kawasan DUN N.50 Gum-Gum seperti jalan Lintas Semawang.
- *56. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kementerian merancang untuk membina rumah kos rendah di daerah Telupid memandangkan permintaan begitu tinggi sekarang ini.
- *57. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah sebarang penambahbaikan akan dilakukan untuk mengatasi pengurusan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Sandakan yang sangat lambat memandangkan banyak aduan berkenaan kualiti penyampaian perkhidmatan pihak JPN Sandakan.

- *58. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah maklumat terkini yang boleh disampaikan kepada masyarakat Nabawan berkenaan dengan usaha pihak kementerian untuk membangunkan tanah SKIM Nabawan dan berkenaan dengan usaha kerajaan untuk mengeluarkan geran tanah bagi mereka yang telah lama memohon dan mengusahakan tanah tersebut.
- *59. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan akan menaiktaraf jalan - jalan kampung yang rosak teruk seperti simpang kampung Sungai Beruang menuju ke kampung Kuala Gum-Gum, kampung Wawasan Desa menuju ke kampung Semawang Darat dan kampung Sungai Memanjang.
- *60. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah pelaksanaan projek bina baru jambatan konkrit sungai labuk kecil yang menghubungkan kampung Perancangan dan Kampung Tobidong Bidong memandangkan sehingga kini penduduk kampung hanya menggunakan perahu dan jambatan gantung.
- *61. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status terkini pembinaan bangunan solar di pulau Libaran.
- *62. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal bin P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah Projek Jalan antara Kampung Dengan - Kampung Bangingod - Kampung Tandu akan dimulakan.
- *63. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status bekalan air terawat bagi kampung dalam mukim Nangoh dan sebahagian mukim Sapi Telupid, adakah masih dalam pentadbiran Jabatan Air Daerah Beluran atau sudah dalam pentadbiran Daerah Telupid.
- *64. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, Bilakah pembinaan Bulatan (*Round About*) di Simpang 4 Jalan Bakiau Bypass (KONSESI GLOBINAKO) dan di Simpang 3 Jalan Bingkor Bypass (KONSESI LINTASAN) akan dijalankan.
- *65. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status pelaksanaan naik taraf jalan-jalan luar bandar dalam kawasan DUN Kadamaian, termasuk jalan Podos Taginambur dan jalan Pirasan Melaga-Mandap Doluoh, Kota Belud, Sabah.
- *66. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah kerajaan merancang untuk menaiktaraf pusat-pusat latihan di bawah Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan dengan teknologi terkini (*IoT*) seiring Revolusi Industri 4.0.

